

Penjara 12 tahun Siti Bainun kekal

Siti Bainun
Ahd Razali



Mahkamah turut tolak rayuan pengasas Rumah Bonda tangguh laksana hukuman

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi, di sini, semalam, mengekalkan sabitan dan hukuman penjara 12 tahun terhadap pengasas Rumah Bonda, Siti Bainun Ahd Razali, kerana mengabai serta menganiaya seorang remaja perempuan Sindrom Down dikenali sebagai Bella, tiga tahun lalu.

Hakim, Datuk Noorin Badaruddin, membuat keputusan itu selepas menolak rayuan Siti Bainun, 32, selaku perayu untuk mengetepikan sabitan dan hukuman yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen di sini.

Noorin turut menolak permohonan peguam bela, Haijan Omar, yang mewakili Siti Bainun, untuk penangguhan pelaksanaan hukuman penjara sementara menunggu rayuan berhubung keputusan hari ini difailkan di Mahkamah Rayuan.

Dalam penghakimannya semalam, Noorin berkata, terdapat 18 kecederaan dan parut pada badan mangsa dibuktikan oleh semua saksi perubatan bahawa kecederaan itu adalah bukan kemalangan atau perbuatan mangsa sendiri (Bella).

“Mahkamah berpuas hati penilaian secara maksimum dilakukan oleh hakim Mahkamah Sesyen terhadap saksi pendakwaan iaitu saksi mata, Yasmin Nahar Mahmood (bekas penghuni Rumah Bonda) iaitu saksi pendakwaan kelima (SP5), keterangannya disokong oleh saksi perubatan yang juga saksi-saksi pakar yang memeriksa mangsa,” katanya.

Menurut Noorin, selain keterangan daripada SP5, keterangan SP8, Suhana Zam (rakan baik Siti Bainun) turut disokong oleh keterangan perubatan yang secara konsisten mendapati kecederaan dialami mangsa bukan kemalangan.

Oleh itu, beliau berkata, mahkamah mendapati adalah sukar untuk membuat dapatan bahawa kedua-dua saksi ini mereka-reka cerita terhadap perayu.

Beliau berkata, mahkamah mendapati pembelaan perayu bahawa mangsa hanya mengalami sekali kelecuman sahaja adalah berlawanan dengan naratif dan keterangan yang dikemukakan

oleh pihak pendakwaan.

Menurut hakim itu, saksi pakar mengatakan bahawa hasil pemeriksaan ke atas mangsa mendapati kecederaan bukan kecederaan yang terhasil oleh satu insiden sahaja dan berlaku pada masa berbeza kerana terdapat kecederaan yang sudah sembuh.

Keterangan saksi konsisten

Noorin berkata, keterangan yang diberikan oleh saksi pakar itu konsisten sedangkan keterangan perayu dan saksi perayu mengenai insiden tumpahan air panas yang dikatakan berlaku hanya sekali sahaja ke atas mangsa adalah beranggah.

Katanya, berdasarkan nota keterangan, mahkamah mendapati tidak terdapat keterangan dan keadaan yang menunjukkan perayu terkeliru dengan pertuduhan dihadapinya yang mengakibatkan perayu tidak berupaya membela diri.

Katanya, mahkamah mendapati perayu diberikan notis mencukupi melalui pertuduhan dikemukakan sejak dari awal dan dia berupaya memahami ‘the nature of the case’ mengenai bagaimana kesalahan itu dilakukan.

Menurut hakim lagi, melalui keterangan dikemukakan dan pemeriksaan balas yang panjang terhadap saksi pendakwaan menzahirkan perayu tahu dan tidak

terkeliru serta faham bahawa pertuduhan terhadapnya adalah penganiayaan dan penganiayaan yang dilakukan olehnya secara fizikal dan emosi terhadap Bella.

Siti Bainun yang berjubah putih dan bertudung hijau muda dilihat tenang ketika berada dalam kandang tertuduh.

Beliau didakwa mengabai dan menganiaya Bella hingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan fizikal serta emosi di sebuah unit kondominium di Wangsa Maju antara Februari dan Jun 2021 dan dituduh mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Sementara itu, peguam pemerhati, Datuk Khairul Anwar Rahmat, yang dilantik Pemangku Sultan Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim, ketika ditanya mengenai keadaan Bella selepas prosiding keputusan rayuan Siti Bainun semalam, menjelaskan walaupun sudah tiga tahun berlalu, Bella dikatakan masih trauma.

“Walaupun ada kecederaan sudah pulih dan ada yang masih lagi memerlukan rawatan susulan terutamanya kecederaan membabitkan kulit, ibarat pepatah Melayu sakit boleh hilang, parut tetap ada,” katanya.

Peguam itu turut memaklumkan, berdasarkan ujian klinikal yang dibuat pakar perubatan, Bella disahkan berusia 17 tahun.